



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i



Berita
Online

24 JAM

BERITA

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 7 April 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **UMUM**



NURADLI
RIDWAN SHAH
MOHD DALI

HARI: ISNIN
TARIKH: 7/4/2025
M/SURAT: 13

DALAM peredaran ekonomi yang semakin mencabar hari ini, isu pengurusan kewangan bukan lagi perkara enteng dan remeh. Ia telah menjadi salah satu tonggak utama dalam membina masyarakat yang cekap, seimbang dan berdaya tahan dari segi ekonomi.

Literasi kewangan, secara ringkas, merujuk kepada keupayaan seseorang memahami konsep asas kewangan dan mengaplikasikannya dalam kehidupan sehari-hari. Ini termasuk kebolehan merancang perbelanjaan, mengurus hutang, menyimpan, melabur, bersedekah dan membuat keputusan kewangan dengan bijak.


Malangnya, kajian menunjukkan tahap literasi kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia masih belum memuaskan. Ramai yang masih berbelanja melebihi kemampuan, tidak mempunyai simpanan kecemasan dan mudah terpengaruh dengan gaya hidup konsumerisme yang melampaui terutamanya untuk golongan muda.

Pengguna yang mempunyai tahap literasi kewangan yang tinggi bukan sahaja mampu bertahan dalam situasi ekonomi tidak menentu, bahkan boleh merancang masa depan dengan lebih teratur. Pengguna juga akan lebih kritis dalam membuat keputusan pembelian, bijak menilai godaan promosi, dan tidak mudah terperangkap dengan taktik pemasaran yang mengelirukan.

Pengguna yang mempunyai literasi kewangan akan peka terhadap harga pasaran dan tidak teragak-agak menggunakan hak mereka sebagai pengguna, termasuk membuat aduan kepada pihak berkewaspada apabila berlaku pelanggaran seperti pencatutan atau harga yang tidak munasabah.

Undang-undang seperti Akta Kawalan Harga dan Anti pencatutan (AKHAP) 2011 memainkan peranan penting dalam memastikan harga barang keperluan tidak dinaikkan secara tidak munasabah. Inisiatif seperti Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) pula memberikan jaminan harga terkawal pada musim

Jadi pengguna yang bijak membeli, bijak berbelanja



MASYARAKAT pengguna perlu melengkapkan diri dengan ilmu, dan menggunakan kuasa pengguna mereka secara bijaksana.

perayaan.

Pengguna juga boleh memanfaatkan saluran aduan rasmi seperti talian 1800-886-800 dan aplikasi EzAdu KPDN bagi melaporkan sebarang isu berkaitan harga dan hak pengguna. Namun begitu, keberkesanan undang-undang ini sangat bergantung kepada tahap kepekaan dan tindakan proaktif daripada pengguna sendiri.

Membina ketahaman kewangan bermula dari diri sendiri. Ia tidak semestinya melibatkan jumlah wang yang besar, sebaliknya memerlukan disiplin dan ilmu asas. Antara langkah awal yang boleh diambil termasuk: menyediakan bajet bulanan, menyimpan sekurang-kurangnya 10 peratus daripada pendapatan, mengelakkan hutang tidak perlu serta merancang pembelian berdasarkan keperluan sebenar. Pengguna boleh menggunakan formula 50:30:20 (50 keperluan: 30 kehendak dan 20 simpanan dan pelaburan) di dalam perancangan belanjawan atau mengadaptasi nisbah menurut situasi semasa. Formula 50:30:20 adalah

kaedah mudah untuk mengurus bajet kewangan peribadi secara seimbang dan berkesan. Mengikut formula ini, 50 peratus daripada pendapatan bulanan diperuntukkan untuk keperluan asas seperti sewa rumah, bil utiliti, makanan dan pengangkutan. Seterusnya, 30 peratus digunakan untuk kehendak atau perbelanjaan gaya hidup seperti hiburan, makan luar, lanjangan digital dan pembelian bukan keperluan. Manakala 20 peratus terakhir disimpan atau digunakan untuk pelaburan dan pembayaran hutang. Pendekatan ini membantu individu mengawal perbelanjaan, mengelakkan hutang berlebihan dan membina simpanan masa depan secara konsisten.

Pengguna juga perlu menitikberatkan keperluan untuk mempunyai tabung kecemasan. Tabung kecemasan adalah satu keperluan asas dalam perancangan kewangan yang sering diabaikan oleh ramai orang. Ia bertindak sebagai pelindung kewangan apabila berlaku perkara tidak dijangka seperti kehilangan pekerjaan,

kemalangan, kos perubatan atau kerugian kenderaan. Pakar kewangan menyarankan agar setiap individu mempunyai sekurang-kurangnya tiga hingga enam bulan perbelanjaan bulanan dalam tabung ini. Tanpa tabung kecemasan, seseorang mudah terpaksa berhutang atau menggunakan simpanan jangka panjang apabila berlaku krisis seumpama Covid-19, sekali gus menjelaskan kestabilan kewangan jangka masa panjang. Membinas tabung kecemasan perlu dijadikan keutamaan sebelum mula melabur atau berbelanja besar.

Dalam pengurusan kewangan, penting untuk membezakan antara aset dan liabiliti. Aset ialah sesuatu yang menambah nilai atau menjana pendapatan seperti rumah yang disewakan, pelaburan, simpanan atau emas. Dalam kata ringkas, aset akan mendatangkan wang ke dalam poket anda. Sebaliknya, liabiliti ialah komitmen yang mengurangkan wang dari poket seperti hutang pinjaman peribadi, kad kredit atau kereta yang menyusut nilai. Ramai orang keliru apabila menganggap rumah

kediaman atau kereta sebagai aset, sedangkan ia sebenarnya liabiliti kerana ia tidak menjana pendapatan malahan kita perlu mengeluarkan wang untuk membayar ansuran, petrol, belanja penyelenggaraan dan lain-lain perbelanjaan. Memahami perbezaan ini membantu seseorang membina kekayaan dengan lebih berkesan dan membuat keputusan kewangan yang lebih bijak.

Pengguna muslim perlu juga untuk merancang tentang keperluan untuk menuaikan kewajipan untuk menuaikan haji. Ia memerlukan perancangan kewangan yang rapi. Kos semasa haji boleh mencapai puluhan ribu ringgit, dan adalah amat penting untuk pengguna memulakan simpanan haji seawal mungkin. Antara cara terbaik adalah dengan membuka akaun Tabung Haji dan mendaftar giliran secepat mungkin. Disiplin menyimpan secara bulanan secara automatik dengan potong gaji boleh memudahkan proses untuk mencapai objektif menuaikan ibadah haji. Menabung awal juga memastikan kita untuk tidak perlu bergantung pada subsidi dan mempercepatkan giliran jika dapat membayar penuh kos haji.

Dalam suasana ekonomi global yang tidak menentu, hanya pengguna yang cekap kewangan dan berpengetahuan akan mampu menghadapi cabaran dengan lebih yakin. Literasi kewangan bukan sekadar pilihan, tetapi suatu keperluan untuk menjamin kestabilan hidup individu, keluarga dan seterusnya masyarakat secara keseluruhan.

Masyarakat pengguna perlu melengkapkan diri dengan ilmu kewangan, dan menggunakan kuasa pengguna mereka secara bijaksana. Inilah masanya untuk kita membina pengguna yang bukan sahaja bijak membeli, tetapi juga berdaya tahan menghadapi segala kemungkinan.

PROFESSOR Dr. Nuradli Ridwan Shah Mohd. Dali ialah Profesor di Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Exco Persatuan Ekonomi Pengguna dan Keluarga Malaysia (MACFEA) dan Bendahari, Kongres Persatuan Akademik Malaysia (MAC).

Uji dulu penggunaan MyKad sebelum laksana subsidi bersasar RON95

Kuala Lumpur: Penggunaan kad pengenalan atau MyKad terbukti berkesan sebagai medium pengantara agihan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) tetapi ia tetap perlu diuji sepenuhnya sebelum diperluaskan bagi penyaluran subsidi bersasar RON95.

Penganalisis ekonomi UniKL Business School, Prof Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid, berkata antaranya ialah memuktamadkan apa mekanisme penguatkuasaan di stesen minyak bagi kalangan pengguna yang layak menerima subsidi penggunaan bahan api itu.

"Orang ramai perlu tahu apa mekanisme penguatkuasaannya apabila penerima menggunakan MyKad di stesen minyak.

"Setakat ini, kedaunya belum diketahui umum kerana difahaman sistem pemberian itu tidak akan dilaksanakan kerajaan sekiranya tidak diuji terlebih dahulu melalui percubaan awal.

"Namun, saya optimis penyaluran subsidi terbesar iaitu subsidi bahan api RON95 kelak juga akan berjaya, berdasarkan hasil pengagihan bantuan SARA yang memperlihatan keberkesanannya sebelum ini," katanya kepada BH.

Penggunaan MyKad mula menunjukkan keberkesanannya sebagai medium untuk digunakan dengan sistem lain bagi agihan bantuan kepada kumpulan sasaran termasuk subsidi bersasar RON95.

Kelmarin, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, dilaporkan berkata, keberkesanannya dilihat menerusi agihan bantuan SARA yang diperlukan kepsud 5.4 juta penerima menggunakan kad pengenalan itu sebagai medium penyaluran bantuan tunai.

Jelasnya, setakat dua minggu lalu, lebih 3,500 kedai dan pasar raya menggunakan medium transaksi itu dan berjalan lancar dan ia tiada beza jika MyKad diguna pakai untuk subsidi bersasar RON95.

Aimi Zulhazmi berkata, penyaluran subsidi bahan api RON95 dijangka lancar beri-

MyKad berkesan jadi medium salur bantuan tunai

Sumbangan bantuan tunai sebanyak RM100 akan dibayarkan melalui MyKad pada hari ini. — Gambar: Berita Harian



Aimi Zulhazmi

kutan MyKad berupaya menjadi medium terbaik kepada kerajaan untuk menyalurkan subsidi bersasar secara efektif kerana kad itu telah dilengkapi pelbagai ciri teknologi dan keselamatan canggih termasuk data biometrik.

"Pada masa ini penggunaan MyKad tidak lagi terhad, contohnya selain sebagai dokumen pengenalan diri bagi menyimpan maklumat cap jari dan pengecaman wajah untuk tujuan keselamatan dan pengesahan, ia juga menyimpan maklumat lesen memandu, iaitu pemilik tidak perlu membawa lesen berastungan.

"Begini juga maklumat kesihatan yang mana ia boleh menyimpan rekod kesihatan asas untuk perubatan.

"MyKad juga digunakan untuk sistem pembayaran e-dompet seperti TnG untuk pelbagai kegunaan lebuh raya, menaiki pengangkutan awam, parkir dan lain-lain lagi," katanya.

Pastikan dapat bantuan

Sementara itu, Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan (SEFB) Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Madya Dr Irwan Shah Zainal Abidin, berkata penggunaan MyKad pada ketika ini adalah sesuatu perkara yang wajar.

"Namun, apa yang penting adalah mereka yang layak untuk mendapat bantuan dipastikan mendapat bantuan.

"Ini kerana dalam beberapa kes terutama di luar bandar, walaupun mereka layak dan ada MyKad, tetapi mereka tidak mendapat bantuan.

"Jadi saya rasa mungkin bantuan subsidi bersasar petrol ini boleh dimasukkan secara terus dalam akaun bank penerima pada masa hadapan," katanya.

Malaysia tak perlu panik, gopoh buat keputusan - Amir Hamzah

KUALA LUMPUR - Malaysia tidak seharusnya panik dan gopoh membuat keputusan berhubung kesan tarif timbal balik 24 peratus ke atas barang Malaysia oleh Amerika Syarikat (AS), kata Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan.

Beliau berkata, pengumuman Presiden AS, Donald Trump berkaitan tarif berkenaan masih baharu dan Malaysia perlu mengambil masa untuk lebih mendalami kesan tarif kepada industri seterusnya berkaitan inflasi.

"Kita kena analisis isu yang ada dan kita perlu berbincang. Buat masa sekarang, pendekatan yang Malaysia ambil iaitu untuk terus berbincang dengan AS kerana kita rasa dengan cara perbincangan, kita boleh cari penyelesaian yang lebih baik."

"Insya-ALLAH dengan mesyuarat yang ada dalam ASEAN ini, kita akan cari jalan juga, berbincang dengan rakan kita semua agar ada kesepakatan ke hadapan," katanya selepas sesi lawatan persiapan Mesyuarat Menteri Kewangan dan Gabenor Bank Pusat ASEAN ke-12 (AFMGM) pada Ahad.

Amir Hamzah berkata demikian ketika ditanya mengenai kesan tarif AS terhadap unjuran inflasi negara pada tahun ini.

Turut hadir dalam sesi lawatan berkenaan, Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Datuk Seri Abdul Rasheed Ghaffour.

BNM meletakkan unjuran inflasi tahun ini sekitar 2.0 hingga 3.5 peratus.

Sementara itu, beliau berkata, unjuran inflasi tahun ini

telah mengambil kira pelaksanaan pelarasan subsidi pada masa akan datang.

"Ekonomi kita masih rancak lagi, jadi kadangkala apabila ekonomi itu amat rancak, ada tekanan sikit dari segi inflasi.

"Kita belum mengambil kira lagi apakah yang akan berlaku kalau tarif ini mengambil dan menekan ekonomi dengan lebih. Di bawah kerajaan kita ada majlis bersama yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang akan memberi pandangan hala tuju bagi menangani isu yang ada ini," katanya.



AMIR HAMZAH

Menurut BNM, kesan inflasi dari pada langkah-langkah dasar dalam negeri dan pelarasan cukai yang diumumkan termasuk rasionalisasi subsidi RON95 secara bersasar dan peluasan cukai jualan dan perkhidmatan (SST), dijangka bersifat sementara dan ia dapat dibendung dengan baik.

Bank pusat itu berkata, inflasi dijangka menunjukkan aliran menaik antara dua hingga 3.5 peratus tahun ini berbanding purata pada 1.8 peratus pada 2024 tetapi akan kekal terkawal berikutkan keadaan kos global yang semakin reda dan ketiadaan tekanan permintaan yang berlebihan.

Ekonomi Malaysia juga diunjurkan berkembang antara 4.5 peratus hingga 5.5 peratus pada 2025, dengan permintaan domestik menjadi pemacu utama pertumbuhan dan disokong oleh perbelanjaan sektor swasta yang stabil meskipun berdepan ketidaktentuan luaran.

- Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 7 APRIL 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
7-Apr	MB Johor, KPDN buat pemeriksaan mengejut di stesen minyak	https://www.sinarharian.com.my/article/721185/edisi/johor(mb-johor-kpdn-buat-pemeriksaan-mengejut-di-stesen-minyak	SINAR HARIAN
7-Apr	MB Johor buat pemeriksaan mengejut di stesen minyak	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/04/1204357/mb-johor-buat-pemeriksaan-mengejut-di-stesen-minyak	HARIAN METRO
7-Apr	KERAJAAN JOHOR KOMITED PASTIKAN RON 95 HANYA UNTUK RAKYAT MALAYSIA	https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2409356	BERNAMA
7-Apr	MB Johor buat pemeriksaan mengejut pematuhan larangan jualan RON95 kepada warga asing	https://www.buletintv3.my/nasional/mb-johor-buat-pemeriksaan-mengejut-pematuhan-larangan-jualan-ron95-kepada-warga-asing/	TV3
7-Apr	Kerajaan Johor komited pastikan RON95 hanya untuk rakyat Malaysia	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-johor-komited-pastikan-ron95-hanya-untuk-rakyat-	ASTRO AWANI
7-Apr	Johor MB pledges ongoing checks to protect fuel subsidies, urges public to report violations	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/04/05/johor-mb-pledges-ongoing-checks-to-protect-fuel-subsidies-urges-public-to-report-violations/172005	MALAYMAIL